

18/02/1998

Setuju sambung bekalan air

KUALA LUMPUR, Selasa - Malaysia bersetuju meneruskan bekalan air ke Singapura selepas tahun 2061 berikutan rundingan antara Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatannya dari Singapura, Goh Chok Tong di sini.

Menurut pernyataan bersama yang dikeluarkan oleh Kementerian Luar hari ini, persetujuan itu akan disahkan dalam satu perjanjian dalam tempoh 60 hari.

"Kerajaan Malaysia bersetuju meneruskan bekalan air ke Singapura selepas tamat Perjanjian 1961 pada tahun 2011 dan Perjanjian 1962 pada 2061, di samping Perjanjian 1990 berkaitan dengannya, mengikut syarat yang dipersetujui kedua-dua kerajaan," kata pernyataan itu.

Malaysia membekalkan 214 juta liter air mentah sehari ke Singapura dan membeli balik air yang sudah ditapis daripada loji milik republik itu di Johor.

Pernyataan yang memberi tanda jelas pulih hubungan kedua-dua negara selepas pertemuan dua perdana menteri itu semalam berkata, pegawai Malaysia dan Singapura juga akan menyambung rundingan dalam tempoh 60 hari untuk menyiapkan perjanjian khas merujuk tuntutan bertindih terhadap Pulau Batu Putih ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ).

Rundingan mengenai pulau kecil di luar pantai Johor yang juga dipanggil Pedra Branca oleh Singapura itu, dimulakan dua tahun lalu.

Pernyataan itu menyebut, persetujuan yang dicapai itu meletakkan `asas yang kukuh' untuk Malaysia dan Singapura bekerjasama rapat pada alaf akan datang.

Kedua-dua kerajaan juga bersetuju mempertingkatkan usaha bagi menyelesaikan soal berkaitan Perkara Yang Dipersetujui (POA) mengenai tanah milik Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) di Tanjung Pagar, Singapura.

Dr Mahathir menyatakan dalam temubual dengan Straits Times Singapura baru-baru ini Malaysia mempunyai takrifan berbeza mengenai POA yang ditandatangani di Singapura pada 1990 antara Menteri Kewangan ketika itu, Tun Daim Zainuddin dengan Perdana Menteri Singapura ketika itu, Lee Kuan Yew untuk memajukan tanah KTM itu.

Dr Mahathir dan Goh sependapat mereka perlu berusaha ke arah menggunakan sepenuhnya potensi yang ada dalam hubungan antara kedua-dua negara berdasarkan prinsip `memakmurkan jiran anda' memandangkan keistimewaan hubungan antara kedua-dua negara.

Mereka juga mengakui krisis kewangan yang dihadapi rantau ini menekankan lagi perlunya kedua-dua negara bekerjasama dengan rapat dalam semua bidang yang mungkin.

Malaysia dan Singapura akan bekerjasama antara satu sama lain dan dengan rakan mereka dalam Asean untuk menstabilkan semula kedudukan mata wang rantau ini dan mengkaji cadangan bagi penggunaan mata wang serantau dan pilihan lain untuk membiayai perdagangan dalam lingkungan Asean.

Mereka juga akan mempertingkatkan usaha untuk bekerjasama dalam bidang perbankan dan kewangan.

Kedua-dua negara juga menyambut baik pelaburan dari satu sama lain dan Singapura turut melahirkan keyakinan penuh kepada prospek ekonomi Malaysia.

"Dalam hubungan ini, kedua-dua perdana menteri menekankan perlunya pegangan kepentingan secara timbal balas dalam bidang infrastruktur dan

sektor ekonomi lain supaya sesebuah negara akan mempunyai kepentingan dalam kemakmuran dan masa depan ekonomi di negara yang satu lagi," kata kenyataan itu.

Mereka menyambut baik penubuhan Majlis Perniagaan Malaysia-Singapura oleh sektor swasta untuk mempertingkatkan perdagangan dan pelaburan di samping mengukuhkan lagi sinergi ekonomi dan perniagaan di kalangan pertubuhan perniagaan masing-masing.

Kedua-dua pihak juga bersetuju mempertingkatkan kerjasama dua hala dalam bidang pelancongan.

(END)